

KONVENSYEN BELIA TANGANI PENGGANASAN

Azmoon: Belia sertai ISIS membimbangkan



15 Mar 2015

NUR ADILAH MAHBOB

KES mengenai belia daripada beberapa negara yang tergerak menyertai kumpulan militan ISIS di Iraq dan Syria adalah membimbangkan.

Ini dinyatakan Encik Azmoon Ahmad, pengerusi kumpulan penjagaan susulan antara agensi, yang lebih dikenali sebagai Aftercare Group (ACG).

"Ini kes yang telah kami dengar tetapi saya bimbang jika terdapat belia lain yang menjadi mangsa ISIS.

"Ini merupakan ancaman nyata yang perlu ditangani segera dan cari huraian untuk melindungi belia di Singapura," ujar Encik Azmoon, yang juga Pengerusi Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Beliau berkata demikian ketika berucap di sebuah konvensyen belia untuk memupuk kesedaran mengenai ancaman ISIS semalam.

Konvensyen anjuran bersama Taman Bacaan Pemuda Pemudi Melayu Singapura dan ACG itu diadakan di Politeknik Republik (RP).

Encik Azmoon berkata beliau gembira terdapat wadah sedemikian bagi belia membincangkan dan mengenali lebih lanjut mengenai bahaya ISIS.

Baru-baru ini, tiga remaja perempuan Britain dipercayai telah menyeberang masuk ke Syria selepas menetap di Istanbul, Turkey.

Di Australia, pihak berkuasa menahan dua adik beradik remaja di lapangan terbang Sydney kerana mereka dipercayai menuju ke Timur Tengah untuk menyertai ISIS. "Pendekatan mereka agresif dan mudah merebak. Lebih bimbang, mereka menerima sokongan daripada serata dunia, termasuk belia," ujarnya.

Masyarakat Singapura harus terus konsisten dalam usahanya menentang ancaman ISIS, ujarnya.

"Kita bertuah kerana pemimpin perintis kita telah bekerja keras untuk memupuk ikatan sosial yang kukuh dan membolehkan kita hidup secara aman dan harmoni.

"Kita tidak harus mengambilnya dengan mudah," ujar Encik Azmoon.

Atas dasar itulah, Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) dan ACG telah dibentuk untuk menangani ideologi pelampau Jemaah Islamiah (JI) lebih sedekad lalu.

RRG memulih anggota JI serta memperbetul salah tanggapan Islam, manakala ACG pula membantu keluarga penahan JI.

"Lebih sedekad kemudian, saya boleh katakan dengan sungguh-sungguh bahawa usaha kolektif kami telah berhasil.

"Meskipun dengan penangkapan individu radikal kemudian, warga Singapura telah berdiri bersama dan bergabung tenaga untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan," ujarnya.